

**PEKELILING PENGARAH HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN KAEDAH PEMBIAYAAN BEKALAN UBAT DAN ALAT KEPADA PESARA AWAM PERSEKUTUAN DI FASILITI HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH (HSAAS) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling Pengarah HSAAS ini bertujuan untuk menerangkan kaedah pembiayaan bekalan ubat dan alat kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta ahli keluarga yang berkelayakan yang mendapatkan rawatan di fasiliti Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) Universiti Putra Malaysia bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Perintah Am Bab F (Perubatan) Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak untuk diberi kemudahan perubatan percuma hospital/klinik Kerajaan. Peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan adalah seperti dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022) yang sedang berkuatkuasa.
- 2.2 Keputusan Kerajaan untuk tidak meneruskan pembekalan ubat dan alat kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen termasuk tanggungan mereka yang berkelayakan melalui Syarikat Oratis Rx Sdn Bhd, maka diputuskan supaya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Hospital Pengajar bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMENTAH) untuk mengambilalih pembekalan ubat dan alat mulai 1 Jun 2017.
- 2.3 Bagi memastikan kelancaran proses dan urusan penyampaian perkhidmatan kemudahan perubatan dan alat peranti dapat dilaksanakan dengan lancar, Pekeliling ini disediakan bagi membolehkan pelaksanaan peraturan yang seragam di semua Hospital Pengajar di bawah KPT.
- 2.4 Penerimaan pakai Pekeliling ini merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Kaedah Pembiayaan Bekalan Ubat Dan Alat Kepada Pesara Di Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM.400-5/1/7 Jld. 7 (55)] bertarikh 30 Jun 2017.

**3.0 PELAKSANAAN**

**Tafsiran**

- 3.1 Dalam Surat Pekeliling ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

'**Jawatankuasa**' bermakna Jawatankuasa Ubat/Alat/Perkhidmatan Perubatan/Rawatan bagi Pesara Persekutuan yang mendapatkan rawatan di HSAAS dan dipengerusikan oleh Pengarah Hospital;

'**Sekretariat**' bermakna unit/bahagian/jabatan yang menguruskan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan Ubat/Alat/Perkhidmatan Perubatan/Rawatan bagi Pesara Persekutuan di HSAAS;

'**Jabatan**' bermakna sesuatu jabatan/wad/klinik di HSAAS;

#### 4.0 KELAYAKAN

- 4.1 Pesara yang layak mendapatkan kemudahan bekalan perubatan dan alat peranti adalah pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta ahli keluarga yang berkelayakan.
- 4.2 Contoh kad pesara dan kod pengenalan sebagai rujukan adalah seperti di Lampiran A.

#### 5.0 JENIS KEMUDAHAN

- 5.1 Terdapat dua (2) kemudahan perubatan yang diberikan kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta tanggungan mereka yang berkelayakan bawah Pekeliling ini, iaitu :-
- a) Pembekalan ubat - Formulari (F) dan Bukan Formulari (NF)
  - b) Pembekalan alat
    - i) Semua jenis/kategori alat dan siling harga seperti yang dinyatakan dalam PPSM Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022) termasuklah alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens*;
    - ii) Alat selain b(i) di atas yang tidak melebihi RM1,000 seunit seperti produk eternal; dan
    - iii) Alat selain b(i) di atas yang melebihi RM1,000 seunit.

#### 6.0 SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PELAKSANAAN

- 6.1 **Syarat pembekalan ubat di HSAAS** adalah mematuhi kepada perkara berikut:
- a) Pesakit telah dirawat menggunakan ubat-ubatan yang tersenarai dalam Formulari Ubat HSAAS (bagi indikasi yang sama) tetapi tidak berkesan;

- b) Pesakit mengalami kesan *advers* atau tidak sesuai dengan ubat-ubatan yang tersenarai dalam Formulari Ubat HSAAS;
- c) Syarat pembekalan ubat di HSAAS adalah mematuhi kepada permohonan adalah untuk pesakit yang berdaftar dan mendapatkan rawatan di HSAAS sahaja;
- d) Pakar Perubatan perlu melengkapkan dan menandatangani Borang Perubatan 1/09 Untuk Pesara Awam Persekutuan dan Veteran ATM Berpencen (rujuk kod kelayakan pesara);
- e) Pesara perlu mengemukakan dokumen berikut semasa pengambilan ubat:
  - i) Surat kelulusan permohonan (jika ada);
  - ii) Preskripsi ubat yang dalam tempoh sah laku; dan
  - iii) Kad Pesara;

Sekiranya tidak lengkap, ubat tidak akan dibekalkan oleh kakitangan Farmasi HSAAS.

- f) Tatacara permohonan bagi pembekalan ubat NF di Farmasi HSAAS adalah seperti berikut:
  - i) Pesara mendapatkan rawatan di HSAAS;
  - ii) Semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;
  - iii) Pakar Perubatan preskrib ubat kepada pesara dan lengkapkan Borang Perubatan 1/09 atau pindaannya dari semasa ke semasa;
  - iv) Tatacara permohonan bagi pembekalan ubat NF di Farmasi HSAAS adalah penyaringan dan semakan dilakukan mengikut syarat kelayakan oleh Sekretariat:
    - Kelulusan untuk harga ubat **di bawah RM1,000.00** adalah berdasarkan kelulusan Pengarah melalui Jabatan Farmasi.
    - Kelulusan untuk harga ubat **RM1,000.00 dan ke atas** adalah di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Ubat/Alat/Perkhidmatan Perubatan/Rawatan Pesara Persekutuan HSAAS.
  - v) Farmasi HSAAS membekalkan ubat kepada pesara sekiranya permohonan diluluskan.

- vi) Untuk kes yang gagal, perbincangan dibuat dengan pakar perunding untuk pertukaran ubat formulari standard/alternatif. Sekiranya pesara bertegas untuk mendapatkan ubat yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas, pesara perlu membayar penuh dan tuntutan bayaran balik adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Carta alir Tatacara Pembekalan Ubat NF Kepada Pesara seperti di Lampiran B.

- g) Syarat pembekalan ubat juga hendaklah selaras dengan polisi hospital, polisi Jabatan Farmasi, polisi yang ditentukan oleh Jawatankuasa Ubat dan Terapeutik HSAAS atau pindaannya dari semasa ke semasa seperti menggunakan ubat yang terdapat dalam Formulari Ubat HSAAS:
  - i) Menggunakan ubat yang terdapat dalam Formulari Ubat HSAAS;
  - ii) Mengamalkan polisi *formulary first*. Pihak Farmasi akan membekalkan ubat mengikut stok sedia ada; dan
  - iii) Bagi ubat-ubat yang dikawal menggunakan sistem kuota di HSAAS, permohonan penambahan had kuota perlu dilakukan sekiranya telah mencapai had dan memenuhi syarat-syarat kelayakan.
- h) Surat Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) rujukan KKM 87/P1/18/12 Jld.13 (39) bertarikh 29 Jun 2015 iaitu Penggunaan Ubat *Glucosamine* Dan Produk Seumpamanya Serta Tuntutan Bagi Tujuan Pembiayaan Oleh Kerajaan Kepada Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Yang Menerima Pencen Serta Ahli Keluarga Mereka yang Berkelayakan berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2015, atau pindaannya dari semasa ke semasa seperti berikut:
  - i) perbelanjaan boleh dipertimbangkan dengan syarat penggunaan ubat tersebut hendaklah mendapatkan kelulusan Pengarah HSAAS melalui Jabatan Farmasi; dan
  - ii) Ubat *glucosamine* boleh dibekalkan **untuk tempoh tiga (3) bulan hingga enam (6) bulan (sekiranya terbukti berkesan)**. Penggunaan ubat selepas tempoh tersebut **perlu dibiayai oleh pesakit sendiri**.
- i) Sebarang permohonan perbelanjaan bagi pembekalan **makanan atau makanan tambahan (*food supplement*) atau perubatan alternatif** adalah **tidak dibenarkan** walaupun penggunaan bahan tersebut disokong/diperakukan oleh Pakar Perubatan seperti dijelaskan di bawah PPSM Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022); dan

- i) Syarat-syarat dan peraturan bagi pembekalan ubat adalah sebagaimana ditetapkan di bawah PPSM Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022) yang berkuatkuasa atau pindaannya dari semasa ke semasa.

6.2 **Permohonan pembekalan semua jenis alat** di HSAAS adalah dilaksanakan mengikut syarat dan tatacara seperti berikut:

- a) Syarat-syarat dan peraturan bagi permohonan pembekalan **semua jenis/kategori alat dan had siling** adalah sebagaimana ditetapkan di bawah PPSM Kemudahan Perubatan Versi 1.0 (2022) yang berkuatkuasa atau pindaannya dari semasa ke semasa.
- b) Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan alat** termasuklah alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens*, permohonan keperluan alat dikemukakan kepada Sekretariat untuk pertimbangan kelulusan Jawatankuasa:
  - i) Pesara mendapatkan rawatan di HSAAS;
  - ii) Semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;
  - iii) Pakar Perubatan peraku jenis dan spesifikasi alat kepada pesara menggunakan Borang Perubatan 1/09;
  - iv) Permohonan keperluan alat dikemukakan kepada Sekretariat untuk pertimbangan kelulusan Jawatankuasa;
  - v) Jabatan melaksanakan perolehan alat berdasarkan kelulusan permohonan dan tatacara perolehan yang berkuatkuasa;
  - vi) Alat dibekalkan oleh pembekal kepada jabatan yang merujuk;
  - vii) Prosedur/pembedahan dilakukan oleh Pakar Perubatan HSAAS. Pakar Perubatan mengisi Borang Bayaran Alat (Mengikut Disiplin) selepas pembedahan seperti di Lampiran C; dan
  - viii) **Invois dan pesanan penghantaran (D.O)** dikemukakan kepada jabatan untuk pengurusan bayaran berdasarkan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

6.3 Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan alat bantu dengar** dengan siling **sehingga RM3,500.00 seunit**. Bagi pembekalan melebihi harga siling maka, perlu dirujuk untuk sokongan/perakuan Jawatankuasa.

- 6.4 Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan kerusi roda *commode chair*** boleh dipertimbangkan dengan siling **sehingga RM400.00 seunit**. Bagi pembekalan melebihi harga siling maka, perlu dirujuk untuk sokongan/perakuan Jawatankuasa.
- 6.5 Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan *intraocular lens*** hendaklah selaras dengan Surat Edaran Ketua Perkhidmatan Oftalmologi Kementerian Kesihatan Malaysia, Ruj: HSAS.600-8/21/2 JLD 6 (82) bertarikh 18 Oktober 2021 bagi *intraocular lens* (IOL) dan *Ophthalmic Viscosurgical Device* (OVD) untuk pesara, siling adalah ditetapkan pada **RM800.00 (untuk *monofocal*) dan RM1500.00 (untuk *Advanced Technology IOL, ATIOL dan Monofocal Berkeperluan Khas*).**
- 6.6 Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan alat-alat lain** perlu dirujuk untuk sokongan/perakuan Jawatankuasa.
- 6.7 Tatacara permohonan **perbelanjaan bagi rawatan penyakit buah pinggang**
- a) Syarat-syarat dan peraturan-peraturan bagi permohonan perbelanjaan untuk rawatan penyakit buah pinggang adalah ditetapkan seperti berikut:
- i) Permohonan perbelanjaan bagi rawatan hemodialisis dan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) yang tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klินิก Kerajaan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada syarat bahawa Pakar Nefrologi Kerajaan memperakukan keperluan rawatan berkenaan dan mengesahkan ia tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klินิก Kerajaan;
- ii) Permohonan perbelanjaan bagi rawatan hemodialisis yang tidak dapat dibekal disediakan oleh hospital/klินิก Kerajaan adalah **terhad kepada perbelanjaan rawatan sahaja**. Perbelanjaan yang dibenarkan adalah berdasarkan jumlah perbelanjaan sebenar, tertakluk kepada **had maksimum sebanyak RM200.00 bagi setiap sesi rawatan**;
- iii) Perbelanjaan bagi pembekalan ubat atau alat atau ujian lain yang berkaitan dengan rawatan penyakit buah pinggang adalah tertakluk kepada:
- 1) Pesara mendapat rawatan di hospital/klินิก Kerajaan;
- 2) Kemudahan perubatan yang diperlukan tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klินิก Kerajaan;
- 3) Perakuan keperluan kemudahan perubatan dan pengesahan oleh Pakar Perubatan mengenai perkara di perenggan 2) di atas;

- 4) Sila kemukakan Borang Perubatan 1/09 dan dokumen sokongan seperti salinan kad pesara; dan
  - 5) Perbelanjaan bagi pembekalan ubat atau alat atau ujian lain yang berkaitan dengan rawatan penyakit buah pinggang, permohonan akan dikemukakan **Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP)**.
- iv) Perbelanjaan yang telah dibuat di hospital/klinik swasta **sebelum** tarikh mendaftar dan disahkan menghidapi penyakit *end stage renal failure* oleh Pakar Nefrologi/pegawai perubatan di hospital/klinik Kerajaan tidak boleh dipertimbangkan;
  - v) Perbelanjaan untuk pembekalan ubat dan alat pakai buang bagi rawatan CAPD boleh dipertimbangkan jika ia diperakukan tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan; dan
  - vii) Permohonan perbelanjaan bagi pembedahan Arterio-Venous Fistula (AVF) di hospital/klinik swasta boleh dipertimbangkan sekiranya Pakar Nefrologi Kerajaan merujuk pesakit supaya menjalani pembedahan tersebut di hospital/klinik swasta berdasarkan faktor-faktor berikut:
    - 1) Kelewatan menunggu giliran pembedahan AVF yang keterlaluan di hospital Kerajaan; atau
    - 2) Pembedahan AVF pertama gagal; atau
    - 3) Kemahiran pembedahan AVF di hospital/klinik swasta adalah lebih baik berbanding di hospital /klinik Kerajaan.

## 7.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini diterima pakai berkuatkuasa 1 Januari 2023 merujuk kepada kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti melalui Minit 170/14 bertarikh 18 April 2023.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROFESOR DR. HAMIDON BIN BASRI**

Pengarah  
Hospital Sultan Aziz Shah  
Universiti Putra Malaysia

LAMPIRAN A

CONTOH KAD PESARA DAN KOD PENGENALAN



→ Pesara Awam Persekutuan



→ Pasangan Pesara Awam Persekutuan



→ Pesara Awam Kesihatan Persekutuan



→ Pesara Polis





\*Kad Veteran  
(Status Berpencen)



\*Kad Veteran  
(Status Tidak Berpencen)



Kad Bekas Tentera  
(Status Berpencen)



Kad Bekas Tentera  
(Status Tidak Berpencen)

\*Kad Veteran versi baharu bermula 1 April 2016.

Disertakan penjelasan mengenai kod-kod bagi jenis perkhidmatan seperti yang tertera di Kad Pesara Kerajaan Malaysia:

i. Bagi pesara:

- AP - Pesara Persekutuan
- AN - Pesara Negeri
- AS - Pesara Polis
- AT - Pesara Tentera
- AB - Pesara Badan Berkanun
- AK - Pesara Kerajaan Tempatan
- AX - Pesara Kesihatan Persekutuan
- AY - Pesara Kesihatan Badan Berkanun
- AZ - Pesara Kesihatan Tentera
- AW - Pesara Kesihatan Kerajaan Tempatan


ii. Bagi penerima pencen terbitan:

- BP - Balu/duda Persekutuan/Kesihatan Persekutuan
- BN - Balu/duda Negeri
- BS - Balu/duda Polis
- BT - Balu/duda Tentera
- BB - Balu/duda Badan Berkanun
- BK - Balu/duda Kerajaan Tempatan

Nota:

1. Pesara yang ditanggung oleh JPA adalah pesara yang berkod AP, AS, AX AT dan AZ sahaja.
2. Penerima pencen terbitan berkod BP, BS dan BT.



## CARTA ALIR PEMBEKALAN UBAT NF KEPADA PESARA PERSEKUTUAN (FARMASI NF HSAAS)



**Nota Ringkas:**

NF = "Non-Formulary" ubat yang perlu dibayar penuh oleh pesakit;  
 Import Permit Item = Ubat yang tidak berdaftar di Malaysia

LAMPIRAN C

 <b>UPM</b> <small>UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA</small>	 <b>HSAAS</b> <small>HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH</small> <small>هسپتال سلطان عبدالعزيز شاه</small>	HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
		OPERATION THEATER
		SURGERY CHARGES FORM

PATIENT DETAILS :					Private	
					Public	
NAME OF PROCEDURE (OP. 1):		NAME OF PROCEDURE (OP. 2):		CHARGE CODE :		
1-		1-		1-		
2-		2-		2-		
3-		3-		3-		
SURGERY TEAM:			DATE OF SURGERY:			
SURGEONS:			(HOS04001) TIME IN OR :			
ANAESTHETISTS :						
OT NURSES :			TIME OUT OT :			
BIL	Consumable item - by department	CODE	PRICE PER UNIT	QUANTITY USED	TOTAL PRICE	
OT NURSE : (Chop & Sign )			GRAND TOTAL :			
			SURGEONS: (Chop & Sign )			



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HSAAS**  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
OPERATION THEATER

ANAESTHESIOLOGY CHARGES

TYPE OF ANAESTHESIA :  
( ANAESTHESIA CHARGE IS 10 % FROM SURGERY CHARGE CODE)

GA	SPINAL	CSE	LA	OTHERS

MISCELLANEOUS	TYPE		CITIZEN	NON - CITIZEN
	REMIFENTHANYL IV INJ	-	RM150	RM300
	BIS	-	RM150	RM300
	ARMoured TUBE(FMT)	-	RM150	RM300
	PNEUMATIC FOOT PUMP SLEEVE	-	RM150	
	XYGON ARTERIAL LINE PER SET	-	RM150	
	SUPRA GLOTIC AIRWAY DEVICE ( 1 PIECE)	-	RM150	
	OXYNORM PER BOTTLE	-	RM150	
	SUGAMADEX	-	RM300	RM600

TYPE OF ANESTHESIA	CODE	TYPE	CITIZEN	NON-CITIZEN	REMARKS
	ANS03001	Anesthesia Category 1 (minor)	200	400	
	ANS03002	Anesthesia Category 2A (intermediate)	350	700	
	ANS03003	Anesthesia Category 2B (intermediate)	500	1,000.00	
	ANS03004	Anesthesia Category 3A (major)	600	1,200.00	
	ANS03005	Anesthesia Category 3B (major)	750	1,500.00	
	ANS03006	Anesthesia Category 3C (major)	900	1,800.00	
	ANS03007	Anesthesia Category 4A (major +)	1,000.00	2,000.00	
	ANS03008	Anesthesia Category 4B (major +)	1,500.00	3,000.00	
	ANS03009	Anesthesia Category 4C (complex major)	2,000.00	4,000.00	
	ANS030010	Anesthesia Category 4D (complex major)	2,500.00	5,000.00	

No semakan : 01

Tarikh kuatkuasa : 1 Mac 2023